

Simptom tidak sihat akibat jerebu

MASJID Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hampir tidak kelihatan sewaktu gambar dirakam pada pukul 5.30 petang dari UIYM Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD SHAHARANI SAIBI

Oleh **SITIROHAIZAH ZAINAL**
pengarang@utusan.com.my

■ KLANG 10 SEPT.

JEREBU yang melanda negara sejak beberapa hari lalu mengakibatkan penduduk di Johan Setia dan Jalan Kebun di sini menghadapi simptom tidak sihat akibat fenomena tersebut.

Malah, penduduk menyuarakan rasa kecewa dan bosan dengan fenomena jerebu yang melanda berikutan setiap tahun terpaksa berhadapan dengan masalah sama yang seakan tidak berpenghujung.

Salah seorang penduduk, Fadly Abd. Kadir, 29, berkata disebabkan jerebu dia terpaksa mengambil sedutan nebulizer kerana tidak tahan dengan persekitaran yang agak teruk.

"Memang sebelum ini saya tidak sihat tetapi telah beransur pulih. Bagaimanapun, se-

malam sebelum pergi kerja saya terpaksa ke klinik berhampiran dengan rumah kerana tidak dapat bernafas.

"Selain saya, salah seorang anak saya juga berdepan masalah akibat jerebu kerana dia juga menghidap asma," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Lina Rustam Affendi, 38, berkata, dia sering batuk terutama pada waktu malam selain mengalami gatal.

"Sebelum ini, saya tidak batuk tetapi sudah dua hari setiap malam pasti akan batuk, tekak sakit dan setiap pagi mesti akan mengalami sakit mata," katanya.

Dalam pada itu, Jabatan Kesihatan memaklumkan pihaknya akan memulakan pemantauan harian terhadap kemungkinan penyakit berkaitan fenomena jerebu seperti Infeksi saluran pernafasan, asma, selesema dan radang mata.

Pengarahnya, Datuk Dr.

Khalid Ibrahim berkata, bagaimanapun, bagi tempoh seminggu lalu, tiada peningkatan ketara dalam kedatangan pesakit bagi penyakit berkaitan jerebu.

"Lima klinik sentinel iaitu Klinik Kesihatan Kota Daman-sara, Klinik Kesihatan Seksyen 7, Shah Alam, Klinik Kesihatan Pandamaran, Klinik Kesihatan Teluk Datok dan Klinik Kesihatan Kuala Selangor dibuka untuk pantauan.

"Bagaimanapun, sekiranya keadaan jerebu bertambah buruk iaitu Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi bacaan 200 (sangat tidak sihat), Bilik Gerakan Negeri/ Daerah akan dibuka," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Ketua Bomba dan Penyelamat Zon Klang, Sam-sol Maarif Saibani berkata, punca pencemaran jerebu di negeri ini bertambah buruk disebabkan kebakaran terbuka terutama bagi tanaman kontan.